

PM arah puak MCA henti buat kenyataan

BN 7 APR 2002

Oleh Kadir Dikoh dan Ziauddin Sharuddin

SUBANG, Ahad • Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan semua pihak yang bertelagah dalam MCA supaya berhenti membuat sebarang kenyataan berkisar isu dalaman serta krisis kepimpinan parti itu.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, mulai sekarang tiada kenyataan akhbar dibuat oleh sesiapa termasuk beliau sendiri dan perkara itu juga dipersetujui Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan timbalannya, Datuk Lim Ah Lek.

Sebelum memulakan sidang akhbar selepas menyampaikan hadiah untuk pertandingan Golf Amal di Glenmarie Golf & Country Club di sini tengah hari ini, Dr Mahathir meminta "keizinan" wartawan sama ada dia boleh membuat kenyataan sebelum melayan pertanyaan lain.

Berikut adalah soal jawab di antara wartawan

dan Dr Mahathir:

Dr Mahathir: Ok, boleh saya buat kenyataan? Kenyataan saya ialah tiada kenyataan mengenai MCA harus dibuat oleh sesiapa saja termasuk diri saya. Itu saja.

Wartawan: Boleh jelaskan lanjut maksud Datuk Seri?

Dr Mahathir: Tidak ada sebarang kenyataan sama sekali.

Wartawan: Adakah ini arahan daripada Datuk Seri selaku Pengerusi BN?

Dr Mahathir: Tidak, ia dipersetujui oleh kita.

Wartawan: "Kita" itu bermaksud termasuk Presiden dan Timbalan Presiden MCA?

Dr Mahathir: Ya, Presiden MCA (Dr Ling), Datuk Lim Ah Lek dan saya sendiri.

Wartawan: Bagaimana pula mesyuarat agung luar luar biasa (EGM) yang dicadangkan oleh Team B?

Dr Mahathir: Awak tanya juga, orang kata tak ada kenyataan, tak ada kenyataanlah.

Wartawan: Pembekuan tiada kenyataan ini, untuk berapa lama?

Dr Mahathir: Tak tahu lagi.

Wartawan: Mungkin sehingga Datuk Seri balik dari lawatan ke luar negara (22 April ini)?

Dr Mahathir: Tak tahu lah

Wartawan: Adakah semua orang (dalam MCA) bersetuju terhadap arahan ini?

Dr Mahathir: Semua orang bersetuju

Wartawan: Adakah Datuk Seri sudah menemui Datuk Lim Ah Lek?

Dr Mahathir: Tak ada kenyataan. Macam mana boleh pusing (sambil menghayun dengan memusing tangan kanannya).

Wartawan: Puak Team B dalam MCA akan meneruskan EGM (21 April ini)?

Dr Mahathir: Tengoklah...

Wartawan: Adakah benar Datuk Seri sudah meminta Lim membatalkan EGM seperti dilaporkan di muka depan sebuah akh-

bar Cina hari ini dengan memetik sumber?

Dr Mahathir: (Tidak menjawab, tetapi melawak dengan menutup mulutnya dengan dua jari)

Wartawan: Ada kemungkinan sebahagian daripada jalan penyelesaian ialah bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden MCA dimenangi tanpa tanding?

Dr Mahathir: (senyum dan kemudian menjawab) Saya berjanji untuk berdiam diri dan menyimpan rahsia.

Sementara itu, Dr Ling kemungkinan besar akan mengadakan pertemuan dengan Lim Ah Lek, berhubung rancangan damai bagi menyelesaikan kemelut kepimpinan parti itu yang dicadangkan oleh Dr Mahathir.

Dr Ling menyifatkan rancangan damai itu memudahkannya mendapat 'laluhan' menemui Lim

yang disifatkannya sebagai adik.

Beliau yang menyifatkan dirinya sebagai abang berkata: "Saya tidak marah dan tiada apa-apa yang hendak ditentang terhadapnya (Lim).

"Sebagai abang, saya akan menelan apa saja (kritikan dan kemarahan) untuk kebaikan dan masa depan MCA. Ini juga adalah demi matlamat jangka panjang parti."

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Pemilik Kedai Kopi Malaysia-Singapura ke-45 di Allson Klana Resort di Seremban, hari ini.

Dr Mahathir dilaporkan mengemukakan rancangan damai untuk menyelesaikan masalah kepimpinan MCA selepas bermesyuarat dengan Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan di Putrajaya,

semalam.

Dr Ling berkata, beliau menyokong penuh rancangan damai Dr Mahathir yang bertujuan untuk mewujudkan kestabilan dalam parti serta akan bekerja keras mencapainya.

Beliau yang menyifatkan Dr Mahathir sebagai bersifat kebapaan, terhitung budi kepada Perdana Menteri yang mengambil berat apa saja yang berlaku dalam keluarga BN.

Mengulas mengenai tindakan pemimpin kumpulan B yang diketuai Lim untuk meneruskan EGM MCA Ahad depan, katanya: "Jangan khuatir mengenai EGM. Apa yang berlaku pada masa depan, saya tidak mahu membuat spekulasi.

"Dia (Lim) tetap kawan baik saya dan ahli keluarga MCA. Sebagai abang, walaupun dia memarahi saya, saya tidak akan marah balik," katanya.